

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL. ~~OMB~~xxxJPAN:700-3/501/19 Pt.2/(93)

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 5/2011

IMBUHAN TAHUNAN TAHUN 2011

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi Imbuhan Tahunan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri bagi tahun 2011.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri bersetuju supaya Imbuhan Tahunan bagi tahun 2011 dibayar kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri sebagai penghargaan di atas sumbangan dan dedikasi mereka dalam menjayakan pelaksanaan program pembangunan negeri. Ini juga sebagai langkah untuk meringankan beban mereka dalam menghadapi kos sara hidup yang semakin meningkat. Kadar Imbuhan Tahunan yang diputuskan adalah sebanyak **setengah bulan gaji atau minimum RM500.00.**

PELAKSANAAN

3. Imbuhan Tahunan 2011 dibayar kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang masih berkhidmat pada 8 Ogos 2011 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat genap satu (1) bulan perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari hingga 8 Ogos 2011.

Pegawai Yang Layak

4. Pegawai yang layak dibayar Imbuhan Tahunan 2011 adalah seperti berikut:
- (a) pegawai yang bertaraf tetap, sementara, Pekerja Gaji Hari (Vot terbuka) dan kontrak;
 - (b) pegawai yang bercuti separuh gaji ;
 - (c) pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya.

Pegawai Yang Tidak Layak

5. Pegawai yang **tidak layak** dibayar Imbuhan Tahunan 2011 adalah seperti berikut:
- (a) pegawai yang mengambil cuti tanpa gaji disepanjang tempoh 1 Januari hingga 7 Ogos 2011;
 - (b) pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tempoh 1 Januari hingga 7 Ogos 2011;
 - (c) pegawai yang dipinjamkan ke syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari hingga 7 Ogos 2011;
 - (d) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran sepanjang tempoh 1 Januari hingga 7 Ogos 2011.
 - (e) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam 2011 sepanjang tempoh 1 Januari hingga 7 Ogos 2011; dan
 - (f) pegawai yang tidak lagi berkhidmat sebelum/pada 8 Ogos 2011.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan 2011

6. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan 2011. Pegawai hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

SYARAT PEMBAYARAN

7. Imbuhan Tahunan 2011 dibayar kepada pegawai **yang masih berkhidmat pada 8 Ogos 2011**. Perkiraan Imbuhan Tahunan 2011 adalah **tertakluk kepda genap satu (1) bulan perkhidmatan yang bermaksud genap satu (1) bulan kalendar iaitu Januari hingga Julai 2011**.

8. Imbuhan Tahunan 2011 dibayar berdasarkan gaji bulan Julai 2011 atau gaji akhir yang diterima dalam tempoh 01 Januari hingga 31 Julai 2011. Imbuhan Tahunan akan dibayar pada bulan Ogos 2011.

9. Bagi tujuan pembayaran Imbuhan Tahunan 2011, **'gaji'** bermaksud seperti berikut:

- (a) gaji hakiki, dan Elaun Pemangkuan bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- (b) gaji yang diberi atas sebab peminjaman/pertukaran sementara; dan
- (c) separuh daripada gaji hakiki bagi pegawai bercuti separuh gaji.

KAEDAH PENGIRAAN

10. Imbuhan Tahunan 2011 adalah dibayar secara *proportionate* bagi setiap genap satu (1) bulan perkhidmatan berdasarkan bulan kalendar iaitu Januari hingga Julai 2011, tertakluk kepada kadar minimum sebanyak RM500. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**
11. Pegawai yang dinaikkan pangkat/dilantik secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)/dipinjamkan/ditukar sementara skim perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Julai 2011, perkiraan Imbuhan Tahunan hendaklah berdasarkan gaji bulan Julai atau gaji akhir yang diterima dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Julai 2011.
12. Pekerja Gaji Hari (Vot terbuka) yang telah berkuat kuasa sekurang-kurangnya genap satu (1) bulan pada 8 Ogos 2011 layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak RM500.00.
13. Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula secara *contract of service* atau *contract for service* dan masih berkhidmat pada 8 Ogos 2011 layak dibayar Imbuhan Tahunan 2011 berdasarkan gaji **bulan Julai 2011 atau gaji akhir yang diterima dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Julai 2011**. Jabatan hendaklah membuat **potongan sebanyak RM500.00** daripada jumlah Imbuhan Tahunan 2011 yang dibayar kepada pesara yang berkhidmat secara *contract of service* atau *contract for service* sebagai penyelarasan semula (journalise) jumlah Bayaran Khas Pesara yang dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.
14. Imbuhan Tahunan 2011 ini **tidak boleh diselaraskan** jika berlaku pelarasan gaji selepas tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini akibat daripada apa-apa pindaan kepada gaji pegawai.

JABATAN YANG MEMBAYAR

15. Pembayaran Imbuhan Tahunan 2011 adalah menjadi tanggungjawab jabatan di mana pegawai ditempatkan pada bulan pembayaran di mana pegawai bertugas.
16. Bagi pesara Perkhidmatan Awam yang dilantik semula secara *contract of service* atau *contract for service* seperti di perenggan 13, pembayaran akan dibuat oleh jabatan di mana pegawai ditempatkan.

TARIKH KUAT KUASA

17. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
KOTA KINABALU

Tarikh: 15/08/2011

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

CONTOH PENGIRAAN
IMBUHAN TAHUNAN TAHUN 2011

Contoh 1: Pelantikan DalamTempoh 1 Januari Hingga 8 Ogos 2011

Cik Shima telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 pada 17 Januari 2011 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,993.63 (P1T1)

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned}
 & \frac{1}{2} \times \text{gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \\
 = & \frac{1}{2} \times \text{RM1,993.63} \times \frac{204}{220} \\
 = & \text{RM924.32}
 \end{aligned}$$

Contoh 2: Pelantikan Dalam Tempoh 1 Januari Hingga 8 Ogos 2011

Puan Hayati telah dilantik sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 pada 1 Mac 2011 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,204.55 (P1T1)

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} & \frac{1}{2} \times \text{gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \\ = & \frac{1}{2} \times \text{RM1,204.55} \times \frac{161}{220} \\ = & \text{RM440.76} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuhan Tahunan di atas kadar 1/2 bulan gaji bagi pegawai adalah kurang daripada RM500.00, maka pegawai adalah layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak RM500.00 iaitu kadar minimum yang ditetapkan.

Contoh 3: Kenaikan Pangkat Yang Dikebelakangkan

Cik Syakira telah dinaikan pangkat sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32 berkuat kuasa mulai 1 Julai 2011 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 8 Ogos 2011 . Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai adalah RM2,714.03 (P1T1). Gaji akhir pegawai di Gred F29 ialah RM2,641.42 (P1T17).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} & \frac{1}{2} \times \text{gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \\ = & \frac{1}{2} \times \text{RM2,714.00} \times \frac{220}{220} \\ = & \text{RM1,357.02} \end{aligned}$$

Contoh 4: Kenaikan Pangkat Yang Dikebelakangkan

Cik Zanariah telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F32 berkuatkuasa mulai 1 Julai 2011 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 9 Ogos 2011. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai adalah RM2,714.03 (P1T1). Gaji terakhir pegawai di Gred F29 ialah RM2,641.42 (P1T17).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} & \frac{1}{2} \times \text{gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \\ = & \frac{1}{2} \times \text{RM2,641.42} \times \frac{220}{220} \\ = & \text{RM1,320.71} \end{aligned}$$

Contoh 5: Pegawai Bercuti Separuh Gaji

Puan Azie yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 Februari hingga 22 Februari 2011. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 23 Februari 2011. Gaji pegawai pada 31 Julai 2011 sebanyak RM3,170.83 (P1T2).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} & \text{(A)} \left[\frac{1}{2} \times \text{Gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \right] \\ & + \text{(B)} \left[\frac{1}{2} \times \frac{1}{2} \times \text{Gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \right] \\ & + \text{(C)} \left[\frac{1}{2} \times \text{Gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \right] \\ & = \left[\frac{1}{2} \times \text{RM3,170.83} \times \frac{31}{220} \right] \\ & + \left[\frac{1}{2} \times \frac{1}{2} \times \text{RM3,170.83} \times \frac{22}{220} \right] \\ & + \left[\frac{1}{2} \times \text{RM3,170.83} \times \frac{167}{220} \right] \\ & = \text{RM223.40} + \text{RM79.27} + \text{RM1,203.47} \\ & = \text{RM1,506.1} \end{aligned}$$

- Nota:
- A - bagi tempoh mulai 1 Januari hingga 31 Januari 2011
 - B - bagi tempoh mulai 1 Februari hingga 22 Februari 2011
 - C - bagi tempoh mulai 23 Februari hingga 8 Ogos 2011

Contoh 6: Pegawai Bercuti Tanpa Gaji

Encik Feezol yang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S38 telah menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Gaji untuk menyelesaikan urusan persendirian bagi tempoh mulai 1 Januari hingga 17 Julai 2011. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mula 18 Julai 2011. Gaji pegawai pada 31 Julai 2011 adalah sebanyak RM4,439.78 (P1T11).

Pegawai **tidak layak** dibayar Imbuhan Tahunan kerana tidak berkhidmat sekurang-kurangnya genap satu (1) bulan perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari hingga 8 Ogos 2011.

Contoh 7: Pegawai Bercuti Tanpa Gaji

Encik Khairi yang berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S38 telah menggunakan kemudahan Cuti Tanpa Gaji untuk menyelesaikan urusan persendirian bagi tempoh mulai 1 Januari hingga 15 Februari 2011. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mula 16 Februari 2011. Gaji pegawai pada 31 Julai 2011 adalah sebanyak RM4,439.78 (P1T11).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} & \frac{1}{2} \times \text{gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \\ = & \frac{1}{2} \times \text{RM4,439.78} \times \frac{174}{220} \\ = & \text{RM1,755.73} \end{aligned}$$

Contoh 9: Pegawai Kontrak Yang Dilantik Ke Jawatan Tetap

Encik Jamil telah dilantik secara tetap sebagai Pemelihara Hutan Gred G41 pada 15 Julai 2011 dengan gaji permulaan RM1,965.81 (P1T4). Sebelum dilantik secara tetap pegawai pernah berkhidmat secara kontrak sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 bagi tempoh mulai 1 Januari hingga 14 Julai 2011 dengan gaji bulanan sebanyak RM1,993.63 (P1T1).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} & \frac{1}{2} \times \text{gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \\ = & \frac{1}{2} \times \text{RM1965.81} \times \frac{220}{220} \\ = & \text{RM982.91} \end{aligned}$$

Contoh 8: Pegawai Bercuti Belajar Bergaji Penuh

Encik Jaya yang berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan Gred UD48 telah diluluskan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh mulai 1 September 2010 hingga 30 Oktober 2012. Gaji pegawai pada 31 Julai 2011 adalah sebanyak RM5,675.52 (P1T7).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} & \frac{1}{2} \quad \times \quad \text{gaji pada Julai 2011} \quad \times \quad \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \\ \\ = & \quad \frac{1}{2} \quad \times \quad \text{RM5,675.52} \quad \times \quad \frac{220}{220} \\ \\ = & \quad \text{RM2,837.76} \end{aligned}$$

Contoh 10: Pegawai Tetap Tidak Genap Satu (1) Bulan Perkhidmatan

Puan Noor telah dilantik secara tetap sebagai Pegawai Tadbir Gred N41 pada 10 Julai 2011 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,690.28(P1T1).

Pegawai **tidak layak** dibayar Imbuhan Tahunan kerana tidak berkhidmat sekurang-kurangnya genap satu (1) bulan perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari hingga 8 Ogos 2011.

Contoh 11: Pegawai Telah Berkhidmat Genap Satu (1) Bulan Perkhidmatan

Encik Mior Hasrul telah dilantik secara tetap sebagai Pegawai Tadbir Gred N41 pada 9 Julai 2011 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,690.28 (P1T1).

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \frac{1}{2} \times \text{gaji pada Julai 2011} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{220} \\ &= \frac{1}{2} \times \text{RM1,690.28} \times \frac{31}{220} \\ &= \text{RM119.09} \end{aligned}$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuhan Tahunan di atas kadar 1/2 bulan gaji bagi pegawai adalah kurang daripada RM500.00, maka pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak RM500.00 iaitu kadar minimum yang ditetapkan.